



Malaysia

SISTEM GS1


Rantai Perdagangan Global



Komunikasi yang tepat dan cepat adalah kunci kepada kejayaan perniagaan. Sistem GS1 dengan penomboran barang yang seragam/piawai, kod bar dan pesanan elektronik menyediakan bahasa yang seragam yang membolehkan syarikat-syarikat berkomunikasi, menghantar dan mengumpul informasi dan data secara berkesan dan tepat.

Sistem GS1 dapat mengenal pasti barang, unit penghantaran, aset, lokasi dan servis serta memudahkan komunikasi antara semua rakan kongsi perniagaan yang berada dalam rantaian pembekalan. Penomboran barang yang unik dan seragam dalam bentuk kod bar boleh meningkatkan kepastisan dan ketepatan input data ke dalam sistem komputer.

Sistem GS1 juga menyediakan maklumat sampingan yang seragam mengenai produk dan unit penghantaran seperti penomboran unik untuk kontena, tarikh pengeluaran, tarikh luput, nombor kelompok, nombor siri, lokasi penghantaran dan lain-lain.



P (3 digit)

Prefix GS1

Contoh: 955

Tiga digit pertama adalah untuk mengenalpasti ahli organisasi yang memberikan nombor. Tiga digit ini diberikan oleh GS1 kepada ahli organisasi kebangsaan di dalam setiap negara. Bagi Malaysia, GS1 Malaysia telah memperuntukkan digit 955.

M (9 digit)

No. Syarikat dan Produk

Contoh: 123432168

Sembilan digit yang seterusnya mengandungi nombor syarikat dan nombor produk. Nombor syarikat diberikan oleh ahli organisasi kebangsaan kepada syarikat. Setiap syarikat akan memperuntukkan nombor produk kepada barang mereka. Untuk kawalan dan pentadbiran yang lebih mudah dalam penetapan penomboran, satu blok nombor akan diberikan kepada setiap syarikat untuk mereka menentukan untuk produk-produk mereka.

C (1 digit)

Check Digit

Contoh: 9

Nombor yang terakhir adalah check digit yang memastikan ketepatan dalam pembacaan keseluruhan nombor oleh alat pengimbas.

Kebaikan Sistem GS1

Sistem GS1 menawarkan kebaikan kepada semua pihak dengan mengurangkan kos, penjimatan masa dan menambahkan ketepatan dan keberkesan melalui pengurusan yang lebih baik dalam keseluruhan rantai perdagangan.

Kepada Pengeluar

- Pengenalan produk yang piawai bila berurus dengan rakan niaga sedunia
- Boleh mengesan produk dari pengeluaran dan penghantaran
- Memperolehi informasi/maklumat yang tepat dan pantas bila ada jualan dan promosi
- Kawalan jualan yang lebih baik kerana tiada situasi kehabisan stok
- Mampu melakukan seluruh proses penempahan barang, penghantaran invois dan berkomunikasi dengan rakan niaga melalui sistem komputer

Kepada Pengedar

- Mempercepatkan seluruh proses penempahan, penerimaan, pembungkusan dan penghantaran produk
- Penyimpanan stok dan kawalan inventori yang cepat dan tepat

Kepada Peruncit


- Mengelakkan ketidaktepatan harga
- Memudah dan mempercepatkan operasi seperti perubahan harga
- Memastikan rak-rak mempunyai stok
- Penjimatan melalui pengurangan pekerja untuk penandaan harga dan perubahan harga
- Informasi pengurusan yang meluas dari sudut tahap inventori
- Khidmat pelanggan yang lebih baik

Kepada Pengguna

- Tiada kesilapan harga dalam transaksi jualan
- Cepat dan efisien di kaunter pasaraya
- Kaunter pasaraya boleh mempamerkan informasi dan harga setiap barang
- Resit yang terperinci supaya pelanggan dapat menyemakkannya

Bagaimana Kod Bar Digunakan

Penggunaan kod bar GS1 dapat mempercepatkan proses penghantaran di dalam rantai perdagangan. Ia juga dapat menpercepatkan perkhimatannya kepada pelanggan di kaunter pasaraya.



Perkhimatatan dan aktiviti-aktiviti Sistem GS1

Sistem GS1 adalah sistem yang boleh digunakan oleh semua industri dan sedang digunakan oleh lebih dari 150 negara di seluruh dunia, dengan jumlah yang bertambah setiap tahun. Di Malaysia, sistem GS1 diuruskan oleh GS1 Malaysia di bawah naungan Federation of Malaysian Manufacturers (FMM)

- Penetapan nombor produk Global Trade Item Number (GTINs)
- Penetapan nombor lokasi GS1 Global Location Numbers (GLNs)
- Penetapan Nombor Kupon GS1
- Nasihat teknikal mengenai kod bar
- Promosi penggunaan Sistem GS1 kepada semua sektor industri, seperti bidang kesihatan, pakaian, penerbitan, pengangkutan dan lain-lain.
- Membimbang syarikat-syarikat dengan penggunaan sistem GS1 dalam operasi mereka.
- Mengendalikan kursus dan taklimat mengenai sistem GS1
- Khidmat menguji keimbangan kod bar (verification services)
- Penerbitan dan penyebaran informasi tentang sistem GS1
- Koordinasi aktiviti ECR (Efficient Consumer Response)
- Berkerjasama dengan organisasi yang lain, pembekal-pembekal dan peruncit-peruncit dalam usaha membangunkan kegunaan sistem GS1 dalam operasi mereka

Untuk keterangan lanjut dan bagaimana menjadi ahli Sistem GS1, sila hubungi:

GS1 Malaysia

Federation of Malaysian Manufacturers (7907-X)

Wisma FMM, No 3, Persiaran Dagang, PJU 9
Bandar Sri Damansara, 52200 Kuala Lumpur

Tel: 03-62867200
Fax: 03-62761042

E-mail: gs1malaysia@gs1my.org
Website: www.gs1my.org